

14 NOV 1999

Abdullah-Teksi

KERAJAAN YAKIN PEMANDU TEKSI AKAN TERUS SOKONG KERAJAAN

BUTTERWORTH, 14 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata sikap sebilangan pemandu teksi yang suatu masa dahulu cenderung mencemuh kerajaan, semakin berubah ekoran kejayaan kerajaan mengeluarkan negara daripada masalah kegawatan ekonomi.

Mereka kini turut berbangga dengan usaha kerajaan memaju dan membangunkan negara bagi menjadikannya sebagai sebuah negara yang berjaya, katanya.

"Kalau dulu pemandu teksi sering berkempen dan memasang kaset ceramah parti-parti pembangkang untuk penumpang, kini sikap itu sudah tidak ada lagi sebaliknya mereka bangga dengan kerajaan sekarang," katanya pada pelancaran "Syabas Malaysia" peringkat zon utara di sini hari ini.

Lebih 200 pemandu teksi yang menganggotai Pertubuhan Pemandu dan Pengusaha Teksi/Limosin dan Kereta Sewa Malaysia hadir pada majlis berkenaan.

Program "Syabas Malaysia" itu dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 27 Okt lepas. Ia akan diperluaskan ke seluruh negara dan dijangka disertai lebih 17,000 pemandu teksi yang juga anggota pertubuhan itu.

Abdullah berkata cadangan pertubuhan itu untuk mengadakan program "Syabas Malaysia" adalah bukti pemandu teksi menghargai jasa kerajaan memajukan ekonomi negara yang membolehkan mereka lebih mudah mencari rezeki.

Katanya kerajaan menghargai sokongan dan sanjungan yang mereka lahirkan melalui program itu dan berharap mereka juga dapat meningkatkan mutu perkhidmatan kepada orang ramai.

Timbalan Perdana Menteri berkata disebabkan kemajuan dan keamanan negara sekarang, kerajaan dapat mewujudkan lebih banyak projek pelancongan, bandar baru dan kawasan perindustrian yang secara tidak langsung memberikan peluang pendapatan kepada pemandu teksi.

"Hotel-hotel kini turut dijadikan pengkalan teksi untuk memudahkan para pelancong asing dan tempatan bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Ini turut memberikan pendapatan yang lebih kepada pemandu teksi," kata beliau.

Sambil memuji perkhidmatan teksi negara ini sebagai antara yang terbaik di dunia, Abdullah turut menasihatkan pemandu teksi supaya meningkatkan perkhidmatan mereka seiring dengan kemajuan negara.

-- BERNAMA

SA RON